

# Program Gaya Hidup Sihat di UPM

KUALA LUMPUR 8 Mac - Orang ramai dipelawa memeriahkan Hari Gaya Hidup Sihat 2012 yang akan berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 21 April ini.

Program anjuran Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE), universiti berkenaan itu antara lain bertujuan mengutip dana bagi pelaksanaan aktiviti pesakit kanser dan membudayakan amalan gaya hidup sihat.

Pengarah CaRE, Prof. Dr. Mazanah Muhamad berkata dana akan dikutip menerusi jualan meja makan malam amal yang masih dibuka kepada organisasi kerajaan, badan korporat, badan bukan kerajaan (NGO), survivor kanser dan juga masyarakat umum.

Program itu akan berlangsung dari 7 pagi hingga 10 malam dan diselitkan dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya senaman 'QiGong', pada sebelah pagi untuk memperkenalkan kepada orang ramai keunikan senaman itu yang boleh memelihara kesihatan terutamanya penyakit kronik seperti kanser.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi talian 1-800-22-2233 atau 03-8947 2706 atau melayari [www.cancereducation.org.my](http://www.cancereducation.org.my) atau [www.care.upm.edu.my](http://www.care.upm.edu.my).